# PERANAN & CABARAN PEGAWAI PENDAKWA MASA KINI

TPR JASMEE HAMEEZA JAAFAR
BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN
JABATAN PEGUAM NEGARA

## PEGAWAI PENDAKWA

- Kuasa menjalankan pendakwaan
- Objektif pendakwaan
- Tugas seorang pegawai pendakwa
- Ciri-ciri seorang pegawai pendakwa
- Etika dan intergriti pegawai pendakwa

# KUASA MENJALANKAN PENDAKWAAN

- **Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan**

"Peguam Negara adalah mempunyai kuasa, dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budi bicaranya, bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apaapa perbicaraan mengenai sesuatu kesalahan, lain daripada perbicaraan di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Bumiputra atau Mahkamah Tentera."

# KUASA PEGAWAI PENDAKWA

- **S. 376 (1) KANUN TATACARA JENAYAH(KTJ)**

"Peguam Negara adalah menjadi sebagai Pendakwa Raya dan hendaklah mempunyai kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun ini."

## S. 376 (3) KTJ

"Pendakwa Raya boleh melantik orang yang layak menjadi Timbalan Pendakwa Raya yang akan tertakluk di bawah kawalan dan arahan am Pendakwa Raya dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang ada atau yang boleh dijalankan oleh Pendakwa Raya dengan atau di bawah Kanun ini atau mana-mana undang-undang bertulis kecuali apa-apa hak atau kuasa yang dinyatakan wajar dilakukan oleh Pendakwa Raya sendiri dan dia boleh menetapkan mana-mana Timbalan Pendakwa Raya itu sebagai Timbalan Kanan Pendakwa Raya."

## S. 376 (3A) KTJ

- "Pendakwa Raya boleh melantik orang yang layak dan sesuai menjadi Penolong Pendakwa Raya yang hendaklah di bawah kawalan dan arahan am Pendakwa Raya dan, tertakluk kepada apa-apa batasan dan sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendakwa Raya, hendaklah mempunyai segala kuasa Timbalan Pendakwa Raya."

# S. 377 KTJ

- "Tiap-tiap pendakwaan jenayah di hadapan mana-mana mahkamah serta tiap-tiap siasatan di hadapan Majistret, tertakluk kepada seksyen berikut, hendaklah dijalankan – (a) oleh Pendakwa Raya, Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Timbalan Pendakwa Raya atau Penolong Pendakwa Raya (b) tertakluk kepada kawalan dan arahan Pendakwa Raya, oleh orang yang berikut yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya:

# SURAT KUASA MENDAKWA

- Surat kuasa yang dikeluarkan di bawah s 377(b) KTJ
- Surat kuasa mendakwa perlu dibawa oleh PO ke Mahkamah setiap kali PO mempunyai kes di Mahkamah
- Perlu dikemukakan kepada Tuan/Puan Mahkamah selepas memperkenalkan diri sebagai PO

## SEKSYEN 44 AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

- Tiada apa-apa pendakwaan boleh dijalankan tanpa kuasa bertulis daripada Pendakwa Raya

## OBJEKTIF PENDAKWAAN

- Objektif pendakwaan seorang pegawai pendakwa seharusnya adalah bagi mencapai piagam pelanggan Jabatan Peguam Negara iaitu: "Bahagian ini bertekad untuk mengendalikan pendakwaan kes-kes jenayah dengan adil dan saksama serta memberi khidmat nasihat perundangan yang berkualiti menurut perlembagaan persekutuan dan undang-undang negara dengan mengambil kira kepentingan awam dan negara"

# PERANAN PEGAWAI PENDAKWA

- Mengendalikan kes secara adil
- Mengendalikan kes secara saksama (tidak memihak kepada mana-mana pihak)  Menjaga kepentingan awam
- Menjaga kepentingan negara
- Menjaga hak asasi manusia/binatang/benda hidup
- Memastikan OKT/OKS dihukum mengikut peruntukkan undang-undang.
- Memastikan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan mengikut peruntukkan undang-undang.

---

- Mengetahui & memahami fakta kes yang akan dikendalikan
- Mengetahui peruntukkan undang-undang yang berkaitan dengan kes yang akan dikendalikan
- Mendapatkan khidmat nasihat/berbicang dengan Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara dengan kadar segera sebelum perbicaraan mengenai kes yang dikendalikan jika ada masalah.
- Mengenali Tuan/Puan Majistret yang akan mendengar kes.

# CIRI-CIRI SEORANG PEGAWAI PENDAKWA

- Mempunyai reputasi yang baik
- Menghormati Tuan/Puan Majistret
- Membuat persiapan yang rapi sejurus menerima kertas siasatan
- Berbincang dengan TPR jika mempunyai masalah dalam kes yang dikendalikan.
- Menghormati Mahkamah
- Menepati masa
- Tidak menyembunyikan kelemahan kes
- Tidak menganaiya pihak yang tidak bersalah 1

# ETIKA DI DALAM MAHKAMAH

Meliputi aspek:

1) Penampilan di mahkamah
2) Bertutur di mahkamah
3) Keluar dan masuk ke dalam mahkamah
4)Pakaian di Mahkamah
5) Ketepatan masa

# CABARAN MASA KINI

- Cabaran dari segi bahan bukti yang diperolehi dari di lokasi kejadian tidak mencukupi melemahkan kes pendakwaan di Mahkamah
- Hak asasi manusia juga menjadi elemen penting bagi memastikan perbicaraan yang dijalankan tidak melanggar hak asasi manusia dari awal proses siasatan seperti mengambil keterangan, tangkapan sehingga peringkat perbicaraan

---

- Bebanan tugasan kes yang banyak ditanggung oleh pegawai pendakwa kadang-kala menyebabkan kualiti siasatan sesuatu kes di tahap yang rendah akibat tidak dapat memberi fokus sepenuhnya kepada siasatan.
- Pegawai Pendakwa yang tidak berpengalaman, berkemampuan atau berwibawa akibat dari kekurangan latihan/kursus serta kurang pengetahuan berkaitan penyiasatan dan pendakwaan.

- Perkembangan undang-undang yang terkini
- Saksi-saksi/OKS tidak memberi kerjasama semasa perbicaraan di Mahkamah
- Berlaku campur tangan ahli politik/individu berstatus VIP/VVIP

# SEKIAN TERIMA KASIH